

**INDIKATOR GURU PERDAGANGAN CEMERLANG DALAM  
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI SEKOLAH  
MENENGAH TEKNIK**

**ROHAYU BINTI AZALI**

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

**SEPTEMBER 2003**

## DEDIKASI

*Dstimerwa Untuk Ayah Bunda Tercinta,*

'Sege nap pengorbanan kalian, pembakar semangat juang di sanubariku'

*Buat kedua kekanda dan kedua adindaku,*

'Silaturahmi kita kebanggaan keluarga, anugerah dari Yang Maha Esa'

*Padamu Dnsan Yang Teristimerwa,*

'Dorongan yang dititipkan buatku pencetus ilham yang membara'

*Khas pada kalian teman-teman seperjuangan,*

'Masa silam kita, nostalgia bermakna, memori bersama'

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang serta selawat dan salam atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W. Dengan izinNya, kekuatan diberikan untuk saya menyiapkan laporan projek akhir ini.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada En. Asri Bin Hj. Selamat selaku penyelia projek Sarjana kerana tanpa bimbingan, dorongan, teguran dan bantuan yang diberikan oleh beliau maka tidak mungkin projek ini akan berjaya. Kalungan terima kasih buat panel penilai projek ini iaitu PM Haji Ayob Johari dan Tuan Haji Sapon Ibrahim di atas komen dan cadangan yang diberikan untuk memantapkan lagi projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pengetua dan guru yang merupakan responden dari kelima-lima buah sekolah menengah teknik yang dikaji di atas bantuan dan kerjasama yang telah diberikan dalam menjayakan projek ini.

Juga, terima kasih kepada rakan-rakan dan sesiapa sahaja orang perseorangan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi membantu dalam menjayakan projek ini. Buat keluarga tecinta, jasa dan pengorbanan kalian akanku kenang hingga ke akhir hayat.

## ABSTRAK

Guru merupakan arkitek sosial yang memainkan peranan utama dalam melaksanakan proses pendidikan secara berkesan bagi melahirkan pelajar yang berkualiti. Sebagai agen perubahan tingkah laku pelajar, guru sememangnya terus memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran mereka sehingga mencapai tahap cemerlang. Namun demikian, ramai guru yang masih kabur di dalam menginterpretasikan istilah cemerlang ekoran daripada ketiadaan indikator khusus untuk mengukur tahap kecemerlangan guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian kuantitatif ini merupakan satu penyelidikan deskriptif untuk melihat indikator guru Perdagangan cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian yang menggunakan kaedah tinjauan ini menggunakan instrumen borang soal selidik dan telah diedarkan ke lima buah sekolah menengah teknik terpilih. Sampel seramai 23 orang terdiri daripada guru-guru Perdagangan. Dapatan menunjukkan indikator guru Perdagangan cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran dilihat dari dua aspek iaitu personaliti dan kemahiran guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru Perdagangan yang cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran ialah guru yang memenuhi 28 indikator guru cemerlang. Hasil daripada dapatan kajian, sebuah produk telah dibina iaitu Senarai Semak Penilaian Kendiri yang fleksibel dari aspek penggunaan oleh pelbagai pihak.

## ABSTRACT

Teacher is a social architects whom plays the major roles in implementation of effective education process. This process is so important in order to produce a quality student. As a shifter in student behavior, teacher is always keen with their job in renewing the learning and teaching method to achieve the highest level of education. However, many teachers still don't have enough effort on how to interpret success though lack of particular indicator to determine the teacher's level of success in learning and teaching. This quantitative study was a descriptive research to overlook the indicator of an excellent *Perdagangan* teacher in learning and teaching. The study that using this observation method actually used questionnaire that has been distributed to five selected sekolah menengah teknik. Sample as large as 23 people consist of *Perdagangan* teacher. The result shows that the indicator of an excellent teacher in learning and teaching was observed from two aspects that are personality and teacher's skills in learning and teaching. *Perdagangan* teachers whom excellent in learning and teaching must fulfill 28 indicators. From the study's finding, a product which has flexible purposes of *Senarai Semak Penilaian Kendiri* has been proposed to be used by a variety of users.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	i
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKASURAT</b>
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Penyataan Masalah	6
	1.4 Matlamat Kajian	7

1.5	Objektif kajian	8
1.6	Persoalan Kajian	8
1.7	Kerangka Teori	10
1.8	Kepentingan Kajian	11
1.9	Skop Kajian	11
1.10	Andaian	12
1.11	Batasan Kajian	12
1.12	Definisi Istilah	13
1.13	Definisi Operasional	14

## **BAB II        SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pengenalan	15
2.2	Guru dan Pendidikan	16
2.3	Pengajaran dan Pembelajaran	20
	2.3.1 Pengajaran	21
	2.3.2 Pembelajaran	26
2.4	Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan	29
2.5	Kajian Terdahulu: Ciri-ciri Guru Cemerlang	37
	2.5.1 Aspek Personaliti	38
	2.5.2 Aspek Kemahiran Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	40
2.6	Isu Kecemerlangan Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	44

## **BAB III        METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	47
3.2	Reka bentuk Kajian	47

3.3	Sumber Data	48
	3.3.1 Data Primer	48
3.4	Persampelan	49
3.5	Instrumentasi Kajian	50
3.6	Kesahan Instrumen	52
3.7	Kajian Rintis	52
3.8	Kebolehpercayaan	53
3.9	Proses Mendapatkan Data	54
	3.9.1 Penyediaan Borang Selidik	54
	3.9.2 Pengedaran dan Pemungutan Soal Selidik	55
3.10	Kaedah Analisis Data	55

## **BAB IV ANALISIS DATA**

4.1	Pengenalan	57
4.2	Analisis Berdasarkan Min	58
	4.2.1 Bahagian A: Indikator Personaliti Guru Perdagangan Cemerlang Dalam P & P	58
	4.2.2 Bahagian B: Indikator Kemahiran Guru Perdagangan Cemerlang Dalam P & P	59
	4.3.2 Analisis Berdasarkan Peratusan	61
4.4	Bahagian C: Indikator Penting Guru Perdagangan Cemerlang Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	65

## BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	68
5.2	Perbincangan	69
5.2.1	Soalan Kajian 1: Apakah Personaliti Guru Perdagangan Yang Cemerlang Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di sekolah menengah teknik?	69
5.2.2	Soalan Kajian 2: Apakah Kemahiran Di Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Yang Perlu Ada Pada Seorang Guru Perdagangan Yang Cemerlang Di sekolah menengah teknik?	71
5.2.3	Soalan Kajian 3: Apakah indikator yang penting di dalam menentukan kecemerlangan guru Perdagangan di Sekolah Menengah Teknik?	73
5.3	Kesimpulan	74
5.3.1	Kesimpulan Dapatan	75
5.4	Cadangan	79
5.4.1	Pihak Jabatan Pendidikan Teknikal Dan Pengetua Sekolah Menengah Teknik	79
5.4.2	Guru Jabatan Perdagangan	80
5.4.3	Pengkaji Akan Datang	81

## **BAB VI      REKABENTUK PRODUK**

6.1	Pengenalan	82
6.2	Latar Belakang Teori Penghasilan Produk	83
6.2.1	Penghasilan Indikator	83
6.2.2	Penghasilan Senarai Semak Penilaian Kendiri	83
6.2.3	Objektif Senarai Semak Penilaian Kendiri	84
6.3	Rekabentuk Produk	84
6.3.1	Bentuk dan Ciri Produk	84
6.3.2	Permasalahan Dalam Membina Produk	86
6.3.3	Bahan, Kos dan Masa Membina Produk	86
6.3.4	Dokumentasi Produk	87
6.4	Kronologi Pembinaan Produk	89
6.5	Cadangan Pembaikan	89

### **RUJUKAN**

90

### **LAMPIRAN A**

### **LAMPIRAN B**

### **LAMPIRAN C**

### **LAMPIRAN D**

### **LAMPIRAN E**

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Pemarkatan Item-item Skala Likert	50
4.1	Pengiraan Ukuran Serakan Menggunakan Julat Min	60
4.2	Skor Min, Kriteria dan Sisihan Piawai Bagi Setiap Indikator Guru Perdagangan Cemerlang Aspek Personaliti	61
4.3	Skor Min, Kriteria dan Sisihan Piawai Bagi Setiap Indikator Guru Perdagangan Cemerlang Aspek Kemahiran Dalam P&P	61
4.4	Tafsiran Tahap Persetujuan Skala Likert	65
4.5	Indikator Penting Guru Perdagangan Cemerlang Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	66

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Kerangka Teori	10
4.1	Taburan Kekerapan Berhubung Indikator Guru Perdagangan Cemerlang Dari Aspek Personaliti	66
4.2	Taburan Kekerapan Berhubung Indikator Guru Perdagangan Cemerlang Dalam Aspek Pengajaran Dan Pembelajaran	67



PTMATHM  
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

**SENARAI SINGKATAN**

P & P	:	Pengajaran dan Pembelajaran
ABBM	:	Alat dan Bahan Bantu Mengajar
SPSS	:	<i>Statistical Package for Social Science</i>
FPK	:	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPN	:	Falsafah Pendidikan Negara
KPM	:	Kementerian Pendidikan Malaysia
JPA	:	Jabatan Perkhidmatan Awam
SMT	:	Sekolah Menengah Teknik
JPTEK	:	Jabatan Pendidikan Teknikal
KBSR	:	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KBSM	:	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KUiTTHO	:	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn



## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Guru adalah ibarat lilin yang membakar dirinya sendiri semata-mata untuk menyinari hidup orang lain. Demikianlah sebaris kata-kata yang sudah lazim didengari. Sememangnya tugas seorang guru ialah mendidik para pelajarnya sehingga berjaya dengan cemerlang. Berbanding dengan guru sedekad yang lalu, tugas guru pada hari ini semakin besar dan lebih mencabar (Rohana, 2003). Ini adalah disebabkan oleh kepelbagaian program dan agenda pembangunan pendidikan ke arah yang lebih berkualiti dan bersifat global yang dirancang oleh kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia. Tahun 2003 memperlihatkan banyak pembaharuan yang berlaku dalam sistem pendidikan negara contohnya ialah semakan kurikulum tingkatan empat dan tahun empat, perubahan-perubahan langsung yang melibatkan dasar seperti perubahan pada medium bahasa pengajaran dan pengenalan mata pelajaran baru. Apa yang pasti, impak besar daripada pembaharuan-pembaharuan ini menuntut komitmen yang tidak berbelah bahagi daripada guru untuk memastikan kejayaan pelaksanaannya (Rohana, 2003).

Adalah menjadi tugas penting bagi seorang guru pada hari ini mencari jalan penyelesaian di dalam melaksanakan tugas-tugas berat tersebut dengan lancar dan berkualiti sehingga mencapai tahap cemerlang. Tanggungjawab ini sepatutnya dimulakan oleh guru di dalam bilik darjah di mana berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Ini berlaku kerana hubungan yang rapat antara guru dengan pelajarnya ketika proses pengajaran dan pembelajaran di mana berlangsung interaksi dua hala antara guru dengan pelajar. Dalam erti kata lain, proses pengajaran dan pembelajaran yang dikendalikan oleh guru perlu berkesan dengan melibatkan pengaplikasian peranan guru bukan sahaja sebagai pengajar, tetapi juga sebagai pembimbing, fasilitator, inovator dan pengurus (Kamarudin, 1994).

Pengajaran merupakan aktiviti yang memerlukan penguasaan teknik dan kemahiran. Untuk itu, guru perlu menggunakan kemahiran dan kaedah penyampaian ilmu pengetahuan kepada pelajar mereka. Selain daripada itu, guru yang bersahsiah baik dalam setiap aspek ketika di dalam bilik darjah dapat merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, bersifat mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai keyakinan diri serta memberi sokongan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Daripada perbincangan di atas, jelas sekali gambaran perkaitan yang sangat rapat yang wujud di antara guru dan aspek pengajaran dan bukan semata-mata konsep pendidikan seperti yang diketahui umum.

Jika guru dilihat sebagai agen penggerak ataupun nadi utama proses pengajaran dan pembelajaran, golongan pelajar pula adalah penerima maklumat yang setia. Setiap apa yang diajarkan oleh guru dalam bentuk input akan membuahkan output dalam bentuk seorang pelajar. Sememangnya pembelajaran seseorang adalah berasaskan kecerdasan pelajar secara individu yang perlu diperkaya dengan persekitaran yang baik supaya asas kecerdasan itu dapat berkembang dengan baik. Justeru itu, pembelajaran adalah perubahan tingkah laku hasil daripada pengalaman. Menurut Hanafiah (1993), pengalaman seseorang adalah hasil daripada pengolahan pemikiran ke atas rangsangan-rangsangan yang diterima melalui pancainderanya. Ini jelas menunjukkan betapa proses

pengajaran guru mempengaruhi dengan nyata pembelajaran seseorang pelajar. Kepada seorang pelajar juga, peranan utama seorang guru ialah mengajar. Pada kebiasaannya, pelajar memerlukan penerangan yang jelas dari guru, kenyataan yang jelas tentang masalah pembelajaran serta bimbingan ke arah penyelesaian masalah (Zubedah, Rusmina & Faizah, 1998). Di sini, sekali lagi dapat dibuktikan perkaitan yang sangat rapat di antara pelajar dan pembelajaran.

Sebelum ini telah dibuktikan dua perkaitan yang tidak boleh dinafikan iaitu di antara guru dengan pengajaran dan pelajar dengan pembelajaran. Satu lagi perkaitan yang wujud ialah di antara guru dengan pelajar. Guru mengajar dan pelajar belajar apa yang diajarkan kepada mereka oleh guru. Justeru itu, guru sebagai input seharusnya cemerlang terlebih dahulu sebelum menentukan output iaitu pelajar yang cemerlang seperti yang dikehendaki oleh FPN (Hassan, 2000).

J. Currie (1869) seperti yang dipetik daripada Zubedah, Rusmina & Faizah (1998), berpendapat kualiti perhubungan antara guru dan murid mempunyai kesan terhadap kesediaan pelajar mengambil bahagian di dalam kelas. Beliau turut berpendapat bahawa hubungan positif yang wujud antara guru dan murid akan membuat seseorang itu berusaha dan bekerjasama dengan guru.

Hunter (1969) dalam bukunya yang bertajuk *Teach More Faster* seperti yang dipetik daripada Zubedah, Rusmina & Faizah (1998), berpendapat pengajaran yang berkesan merupakan pengajaran yang boleh meningkatkan pembelajaran dalam diri pelajar. Pembelajaran yang efektif hanya boleh berlaku dalam suasana yang sihat serta bersemangat dan demokratik. Hasil pembelajaran ini akan mengubah tingkah laku pelajar akibat penerimaan pengetahuan atau kepercayaan baru. Perkembangan seseorang pelajar itu merangkumi jasmani, emosi dan intelek. Pendapat ini menunjukkan keberkesanan dan kecemerlangan pengajaran seseorang guru sangat mempengaruhi kecemerlangan pembelajaran seseorang pelajar.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Segelintir para sarjana berpendapat bahawa ciri-ciri personaliti guru merupakan salah satu pemboleh ubah yang akan memudahkan atau menyulitkan proses pengajaran dan pembelajaran (Shahrir & Shahril, 1992). Pendapat ini turut disokong oleh Murry (1972) seperti yang dipetik daripada Shahrir & Shahril (1992), yang berpendapat bahawa personaliti mempengaruhi tingkah laku guru dalam pelbagai perkara seperti interaksi dengan murid, kaedah pengajaran yang dipilih dan digunakan serta pengalaman yang dipilih. Persoalannya ialah bagaimanakah aspek personaliti guru ini dapat membentuk indikator-indikator kecemerlangan guru dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang benar-benar berkesan?

Banyak pihak tampil memberikan pendapat mereka dalam menyenaraikan ciri-ciri seorang guru yang cemerlang di dalam bilik darjah. Pendapat Hassan (2000), dua ciri penting guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah ialah, pertama, menentukan isi kandungan pelajaran telah diajar kepada pelajar dengan sempurna dan berkesan. Kedua, memastikan pelajar dapat menggunakan kemahiran pelajaran tersebut dengan bermanfaat untuk memenuhi kriteria tenaga kerja yang diperlukan apabila menceburi dunia pekerjaan.

Sementara itu, Zubedah, Rusmina & Faizah (1998) pula berpendapat faktor personaliti menjadi ukuran utama. Mereka ini adalah sependapat dengan Shahrir & Shahril (1992) yang turut mengatakan ciri personaliti dan pengajaran adalah dianggap sebagai indikator terpenting seorang guru yang berkualiti ataupun cemerlang. Terdapat banyak lagi pendapat berkenaan dengan ciri-ciri ataupun indikator pengajaran dan pembelajaran berkesan seorang guru di dalam bilik darjah. Kepelbagaian pendapat ini menyaksikan banyak kekeliruan dan keraguan pengkaji-pengkaji yang lalu walaupun mungkin terdapat sedikit persamaan di dalam pendapat mereka. Inilah yang menjadi persoalan sehingga kini setiap kali topik indikator guru cemerlang diperkatakan di Malaysia (Ismail, 2000). Golongan guru dikhuatiri mengalami kesulitan untuk

mengaplikasikan ciri-ciri guru cemerlang dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka sementara pihak sekolah pula berkemungkinan tidak dapat menilai prestasi guru mereka untuk tujuan pemantauan.

Sebenarnya, satu sistem budaya kerja cemerlang telah digarapkan untuk mencapai kualiti yang ditetapkan oleh Falsafah Pendidikan Negara, Falsafah Pendidikan Guru dan Wawasan Pendidikan di dalam konteks pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Ukuran kecemerlangan budaya kerja pendidikan awam tersebut dinilai oleh pelbagai pihak seperti pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Borang penilaian prestasi tahunan, JPA, sasaran kerja tahunan (SKT) dan pemilihan guru pakar adalah antara usaha untuk melihat ciri-ciri ataupun indikator guru cemerlang. Sungguhpun demikian, kriteria penilaian di atas tidak langsung melibatkan penilaian terus kepada perlakuan guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah yang merupakan *core business* guru terbabit (Ismail, 2000). Hassan (2000) turut berpendapat indikator yang disenaraikan oleh JPA dan KPM lebih menekankan penilaian prestasi seseorang guru biasa bagi menentukan pergerakan gaji.

Ketiadaan sebuah indikator cemerlang seseorang guru secara khusus berfokuskan kepada proses pengajaran dan pembelajaran ini mendatangkan masalah kepada golongan guru dan pihak sekolah selain menyukarkan proses penilaian sebenar kecemerlangan guru oleh KPM. Ini kerana, guru adalah tidak ubah seperti seorang pengurus yang melaksanakan beberapa fungsi pengurusan dalam bilik darjah. Proses pengajaran dan pembelajaran melibatkan interaksi guru dengan pelajar. Hasil perhubungan ini akan menentukan sama ada guru boleh mengajar dan pelajar bersedia belajar. Ini bermakna, keberkesanan pengajaran guru bergantung kepada bagaimana seseorang guru itu dapat menyesuaikan diri dan memahami masalah pembelajaran pelajar (Zubedah, Rusmina & Faizah, 1998). Oleh itu, indikator seorang guru cemerlang dalam konteks pengajaran dan pembelajaran yang berjaya memahami masalah pembelajaran pelajar perlu dikenal pasti.

### 1.3 Penyataan Masalah

Tumpuan proses P & P subjek teknikal aliran perdagangan ialah mendedahkan para pelajar dengan dunia sebenar bidang perdagangan seperti profesionalisme seseorang akauntan, kepenggunaan, realiti hukum pemasaran. Oleh itu, adalah menjadi keperluan kepada para guru untuk mengaitkan pengajaran dan pembelajaran subjek-subjek tersebut dengan keadaan semasa supaya pelajar dapat memahaminya dengan mudah (Gunasegaran, 1998).

Proses pengajaran dan pembelajaran seorang guru Perdagangan juga perlulah bersifat memberi satu pengalaman yang bermakna dan mencabar kepada para pelajar supaya mereka dengan mudah dapat mengingat dan mengaplikasikan konsep dan pengetahuan tentang apa yang diajar dan juga menguasai kemahiran-kemahiran yang diperlukan. Oleh itu pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran-mata pelajaran ini hendaklah mempunyai versi yang bervariasi untuk memenuhi matlamat tersebut (Shahril, 1998). Ini bermakna, seseorang guru itu perlu cemerlang di dalam peranannya sebagai guru di dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk memastikan keberkesanan proses tersebut.

Indikator bagi guru cemerlang di Malaysia masih belum mantap kerana masalah kekurangan penyelidikan yang menyeluruh mengenainya (Maaris, 1995). Apa yang diamalkan di Malaysia untuk menilai guru cemerlang adalah tertakluk kepada budi bicara pihak Pengetua, Jemaah Nazir, Penyelia, Pengelola dan beberapa lagi pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri dan Daerah. Menurut Wan Fatimah (1995) pula, salah satu instrumen yang mengandungi indikator guru cemerlang yang dibina oleh KPM untuk pemilihan *masters teachers* tidak diumumkan perincian berkenaan dengannya. Keadaan ini boleh mendatangkan masalah dan menimbulkan kekeliruan kita semua. Sememangnya amat sukar untuk menentukan guru cemerlang, tetapi guru cemerlang boleh diwujudkan. Persoalannya ialah, apakah indikator yang membentuk indikator guru Perdagangan cemerlang dalam konteks pengajaran dan pembelajaran berkesan?

Bertitik tolak daripada permasalahan ini, pengkaji berhasrat membina indikator guru Perdagangan cemerlang dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah teknik. Adalah diharapkan kajian ini berjaya menghasilkan penemuan yang dapat memperbaiki mutu persembahan pengajaran dan pembelajaran guru Perdagangan di sekolah-sekolah menengah teknik di Malaysia.

#### **1.4 Matlamat Kajian**

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti indikator guru Perdagangan cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah teknik. Indikator yang terbina dapat dijadikan panduan mengukur kecemerlangan guru dalam P&P.

Daripada kajian ini pengkaji dapat untuk menghasilkan sebuah produk berbentuk Senarai Semak Penilaian Kendiri. Senarai Semak Penilaian Kendiri ini boleh digunakan untuk menguji dan mengukur tahap kecemerlangan P & P seseorang guru Perdagangan di sekolah menengah teknik.

### 1.5 Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan adalah untuk membina indikator-indikator yang sesuai yang menentukan kecemerlangan guru dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di SMT yang terpilih berdasarkan objektif untuk:

- i. Menentukan ciri-ciri guru Perdagangan cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran dari aspek personaliti seseorang guru.
- ii. Mengenal pasti kemahiran-kemahiran di dalam pengajaran dan pembelajaran yang perlu ada pada seseorang guru yang cemerlang di sekolah menengah teknik.
- iii. Mengenal pasti indikator penting guru Perdagangan cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah teknik.
- iv. Untuk menghasilkan satu Senarai Semak Penilaian Kendiri yang boleh digunakan untuk mengukur kecemerlangan guru Perdagangan dalam P&P.


### 1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah yang telah dinyatakan, beberapa persoalan yang diberi tumpuan oleh pengkaji ialah:

- i. Apakah personaliti guru Perdagangan yang cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah teknik?
- ii. Apakah kemahiran di dalam pengajaran dan pembelajaran yang perlu ada pada seorang guru Perdagangan yang cemerlang di sekolah menengah teknik?
- iii. Apakah indikator penting di dalam menentukan kecemerlangan guru Perdagangan di sekolah menengah teknik?



## 1.7 Kerangka Teori



Rajah 1.1 : Kerangka Teori

Rajah 1.1 di atas menunjukkan teori-teori pengkaji terdahulu yang menjadi asas kepada kajian ini. Daripada rujukan pembacaan pengkaji, dua pembolehubah utama yang dikenalpasti sebagai ciri-ciri guru cemerlang ialah personaliti dan kemahiran dalam

P&P. Daripada teori-teori yang dikumpulkan tersebut, pengkaji telah menjalankan kajian ini berdasarkan kepada objektif kajian yang menumpukan kepada guru Perdagangan di sekolah menengah teknik.

## **1.8 Kepentingan Kajian**

Satu kajian berkenaan dengan indikator kecemerlangan guru Perdagangan di SMT telah dibuat oleh pengkaji di atas kesedaran bahawa maklumat daripada dapatan kajian ini adalah berguna kepada Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya Jabatan Pendidikan Teknikal (JPTEK) dan para Pengetua sekolah menengah teknik di dalam mengenal pasti guru yang cemerlang supaya dapat membuat penyemakan kualiti ke atas pengajaran dan pembelajaran guru Perdagangan. Hasil kajian ini juga boleh menjadi panduan kepada guru yang ingin mengetahui dan sekali gus memperbaiki diri dan tugas mereka supaya mereka tergolong di antara guru Perdagangan yang cemerlang. Dengan peningkatan prestasi guru ini, kajian menunjukkan bahawa banyak kesan positif daripadanya, seperti lebih banyak pembelajaran dilakukan oleh murid, kurangnya kadar keciciran dan penggunaan sumber yang lebih cekap.

## **1.9 Skop Kajian**

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah terhad mengikut keperluan objektif kajian. Kajian yang melibatkan para guru Perdagangan sebagai responden ini dijalankan

**RUJUKAN**

Abdul Rahim Abdul Rashid (1999). *Profesionalisme Motivasi Pengurusan Bilik Darjah*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abdul Rahim Abdul Rashid (2000). *Wawasan dan Agenda Pendidikan*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Alias Baba (1999). *Statistik Penyelidikan Dalam Pendidikan Sains Sosial*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Asmah Ahmad (1989). *Pedagogi I*. Selangor : Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Azmi Zakaria (1995). Indikator Sekolah Cemerlang : Hubungan Antara Kepimpinan Pengetua, Interaksi Guru dan Pencapaian Pelajar Sekolah Menengah di Malaysia. *Jurnal Wacana Pendidikan* 1995. 1-15

Bernama. *Sehari Pun Saya Tidak Sesal Menjadi Guru : Tokoh Guru 2002*.

[http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?v=2002&dt=0517&pub=duniapendidikan&sec=berita&pg=be\\_01.htm&arc=hive](http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?v=2002&dt=0517&pub=duniapendidikan&sec=berita&pg=be_01.htm&arc=hive) (27 Januari 2003)

Borich, G.D. (1996). *Effective Teaching Methods*. New Jersey : Prentice-Hall Inc.

Charil Marzuki (1997). *Kajian Sekolah Berkesan di Malaysia : Model Lima Faktor*. Kuala Lumpur : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dick, W. & Reiser, R.A. (1994). *Merancang Pengajaran Yang Efektif*. Pulau Pinang : Penerbit Universiti Sains Malaysia.

- Ee Ah Meng (1990). *Pedagogi : Satu Pendekatan Bersepadu*. Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ee Ah Meng (1994). *Sekolah dan Bilik Darjah*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Gunasegaran (1998). *Kajian Pengajaran Ekonomi Asas di Sekolah Menengah Di Negeri Sembilan*. Tesis M. Ed. yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hatipah Ahmad. *Tiada Keperlbagaian Kaedah Pengajaran*. Skop Berita Harian. 29 Jun 2001.
- Hassan Mohd Ghazali (2000). *Ciri-ciri Guru Pendidikan Seni Cemerlang*. Tesis M. Ed. yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Hussin Abu Bakar (1992). Peningkatan Kualiti Guru Melalui Pencerapan Pengajaran dan Pembelajaran di Bilik Darjah. *Jurnal Pendidikan Guru Yang Berkualiti*. Kuala Lumpur : Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan.
- Ismail Mamat (2000). *Guru Cemerlang : Indikator Dalam Konteks Pengajaran dan Pembelajaran*. *Minda Pendidik Edisi Februari*. Kuala Lumpur : Jabatan Pendidikan.
- Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (1992). *Guru Yang Berkualiti*. *Jurnal pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia. 34-41
- Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (2003). *Borang Pencalonan dan Penilaian Guru Cemerlang (Borang A)*. Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia
- Kamarudin Husin (1993). *Pedagogi 3*. Selangor : Longman Malaysia Sdn. Bhd.

- Kamarudin Husin (1994). *Asas Pendidikan III : Perkembangan dan Pelaksanaan Kurikulum*. Kuala Lumpur : Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Khairul Bariyah Hj Othman (2003). *Kriteria Penilaian Bagi Perisian Pendidikan Untuk Pengajaran dan Pembelajaran Berbantuan Komputer : Satu Tinjauan di Sekolah Menengah Teknik di Negeri Kedah*. Johor : Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Tesis Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional yang tidak diterbitkan.
- Kreijie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). *Educational and Psychological Measurement*. New York : Freeman
- Lee Shok Mee (1998). *Teori dan Aplikasi Psikologi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur : 1998.
- Maaris Mohd Shah (1995). Indikator Guru Cemerlang Dalam Pelaksanaan KBSM. *Jurnal Wacana Pendidikan* 1995. 29-36
- Martella, R.C. (1999). *Research Methods*. Eastern Washington University : Ally & Bacon.
- Marzita Abdullah. *Lemah Mata Pelajaran Kritisal... Tuding Jari Ke Arah Guru*.  
[http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?y=2002&dt=0108&pub=duniapendidikan&sec=berita&pg=be\\_04.htm&arc=hive](http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?y=2002&dt=0108&pub=duniapendidikan&sec=berita&pg=be_04.htm&arc=hive) (27 Januari 2003)
- Mohd Majid Mohd Konting (1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Sheffie Abu Bakar (1995). *Metodologi Pendidikan*. Selangor : Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohamad Muda (1997). *Cabaran dan Harapan Dalam Pendidikan Menghadapi Alaf Baru*. Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Mok Soon Sang (1993). *Asas Pendidikan I : Sekolah dan Bilik Darjah*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. (Edisi Ketiga)
- Mok Soon Sang (1996). *Pedagogi 2*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Musa Daia (1992). *Kaedah dan Teknik Pengajaran*. Kuala Lumpur : Badan Bookstore Sdn. Bhd.
- Nasirah Muin (2000). *Kepimpinan Pengajaran Ke arah Kecemerlangan Pencapaian Akademik di Sekolah Menengah Daerah Gombak, Selangor*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Omardin Ashaari. (1999). *Pengajaran Kreatif Untuk Pembelajaran Kreatif*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Patton, M.Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. United States of America : Sage Publications, Inc.
- Rashidi Azizan & Abdul Razak Habib (1995). *Pengajaran Dalam Bilik Darjah : Kaedah dan Strategi*. Kajang : Masa Enterprise.
- Ridzuan Yop. *Pensyarah Perlu Kuasai Teknik Pengajaran*. Berita Harian. 15 September 2000.

Rohana Man. *Guru 2003 : Tugas Kian Mencabar*. Utusan Malaysia. 15 Jan 2003

Salihin Siasis. *Teknik, Syarat Mengajar Berkesan*. Laman Guru Berita Harian. 25 Oktober 2000.

Salina Ibrahim. *Guru Cemerlang Tidak Bestari*.

[http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?y=2002&dt=0318&pub=duniapendidikan&sec=berita&pg=be\\_04.htm&arc=hive](http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?y=2002&dt=0318&pub=duniapendidikan&sec=berita&pg=be_04.htm&arc=hive) (27 Januari 2003).

Sekaran, U. (1992). *Research Methods For Business. A Skill Building Approach*. John Wiley & Sons, Inc. 2nd Edition

Shahril Marzuki (1998). Pengajaran Guru Ekonomi Asas Yang Berkesan : Satu Kajian di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan : Pendidikan Untuk Kecemerlangan Menjelang Alaf Baru*. Batu Pahat : Institut Teknologi Tun Hussein Onn.

Shahrir Jamaluddin & Shahril Marzuki (1992). Persepsi Guru Besar, Guru dan Murid Mengenai Ciri-ciri Guru Yang Berkualiti. *Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia*. 1-15

Shuki Osman & Zuraida Ismail (1995). Guru Berkesan Dari Perspektif Guru-guru Pelatih. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan : Pendidikan Untuk Kecemerlangan Menjelang Alaf Baru*. Batu Pahat : Institut Teknologi Tun Hussein Onn.

Syuhada Choo. *Guru Digesa Tingkat Kemampuan Pedagogi*. Halaman Guru Berita Harian. 4 April 2001.

Trochim, W.M. *Likert Scaling*. <http://trochim.human.cornell.edu/kb/scallik.htm> (5 Julai 2003)

Ucapan Pengerusi Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat. (1999). *Minda PPD : Guru Berkesan Pendidikan Cemerlang*. Batu Pahat : Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat.

Wan Fatimah Mohamad (1995). Indikator Guru Cemerlang Dalam Konteks Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Wacana Pendidikan 1995*. 16-28

Wiersma, W. (2000). *Research methods in education*. United States of America : Ally and Bacon.

Zaidatol Akmaliah Lope Pihie & Habibah Elias (2000). *Pengajaran dan Pembelajaran Perdagangan, Keusahawanan dan Ekonomi Asas*. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Zubedah Hanam Mohd Thani, Rusmina Ismail. & Faizah Ghazali (1998). *Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Guru Prinsip Akaun Yang Berkesan*. Tesis M. Ed. yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.

Zulkifli Bachok. *Perguruan kini jadi perbincangan umum*. Utusan Malaysia. Isnin 27 Januari 2003.